

# 马来语阅读课教材

北京外国语大学  
马来语教研室编  
2000年3月

## B A H A G I A N (1)

### Anak Nakal

Di Kampung Bahagia terdapat seorang kanak-kanak bernama Salim. Ia digelar Salim Nakal. Umurnya baru sembilan tahun dan kini ia belajar dalam darjah empat di Sekolah Kebangsaan Kampung Bahagia.

Ayah Salim bernama Salam. Orang-orang Kampung Bahagia memanggilnya Pak Salam. Ibu Salim bernama Fatimah. Ia dipanggil orang Mak Timah. Salim adalah satu-satunya anak mereka yang sangat mereka kasih.

Pak Salam bekerja menjadi kerani di Pejabat Daerah yang tidak jauh dari Kampung Bahagia. Pagi-pagi lagi Pak Salam pergi ke pejabat dengan bas. Petang, kira-kira pukul lima setengah, baru ia pulang.

Dengan sebab itu, Salim makan tengah hari bersama ibunya. Malamnya barulah mereka tiga beranak makan bersama-sama. Di bawah sinaran lampu elektrik duduklah Salim bersama-sama ayah dan ibunya mengadap makanan yang terhidang di atas meja. Semua makanan itu dimasak oleh Mak Timah.

Di lantai ada seekor kucing, Si Minggu namanya. Dengan sabar ia menunggu sampai tiga sekeluarga itu selesai makan. Si Minggu adalah teman main Si Salim. Setiap malam sehabis sahaja makan, Salim tidak lupa memberikan kucingnya itu sisa-sisa makanan: sekepal nasi dengan kepala ikan atau tulang-tulang ikan. Lepas itu ia mengulang pelajaran sekolahnya sebelum masuk

tidur.

Alangkah baik Si Salim ini Tetapi mengapa ia digelar Salim Nakal oleh ibunya? (198) (7)

1. Salim berumur.....
  - a. lapan tahun.
  - b. sepuluh tahun
  - c. sembilan tahun
  - d. lima tahun.
  
2. Sekeluarga Salim tinggal di.....
  - a. Pejabat Daerah.
  - b. Kampung Bahagia.
  - c. Kampung baru.
  - d. Sekolah Kebangsaan Kampung baru.
  
3. Siapa Pak Salam? (hanya satu yang salah)
  - a. Ayah Salim.
  - b. Suami Mak Timah
  - c. Guru sekolah rendah.
  - d. Kerani di Pejabat Daerah.
  
4. Ayah Salim pergi ke pejabat dengan.....
  - a. motokar.
  - b. kapal
  - c. bas.
  - d. teksi.
  
5. Salim makan tengah hari bersama ibunya, kerana.....
  - a. kira-kira pukul lima setengah petang baru ayah pulang.
  - b. ayah tidak suka makan bersama mereka.
  - c. tiada bas.
  - d. ayah lupa pulang

6. Bila mereka tiga beranak makan bersama-sama?
7. Oleh siapa kesemua makanan itu dimasak?
8. Siapa dinamakan "Si Minggu"?
9. Apa dimakan oleh kucing itu?
10. Apa dibuat oleh Salim sebelum masuk tidur?
11. Berikan lawan-lawannya:
  - a. baru --            b. bawah --
  - c. lupa --            d. jauh --
12. Petikkan tiga ayat pasif daripada bacaan tersebut.

## B A H A G I A N (2)

Alangkah baik Si Salim ini! Tetapi mengapa ia digelarkan Salim Nakal oleh ibunya?

Setiap hari apabila balik dari sekolah dan lepas makan tengah hari, ia pergi bermain entah di mana tempatnya. Tidak diketahui oleh Mak Timah. Pada suatu hari ia dimarahi oleh ibunya. Kata Mak Timah, "Engkau tak boleh main jauh-jauh. Petang semalam Si Hamzah jatuh daripada basikal sampai berdarah lututnya."

Salim tidak menjawab sepatutnya pun. Ia menundukkan kepalanya, lalu berjalan lambat-lambat menuju ke halaman di muka rumah. Dekat dengan pintu pagar ia duduk mencangkung dan menggores-gores tanah dengan sekerat kayu.

Melihat demikian laku anaknya, Mak Timah pun masuk ke dalam untuk menyelesaikan kerja.

Tetapi alangkah kecewanya Mak Timah ketika sejeurus kemudian ia keluar semula, didapatinya Si Salim sudah tidak ada di situ. Ia tidak duduk mencangkung dan menggores-gores tanah lagi. Entah ke mana perginya dia. Bergegas-gegas Mak Timah pergi ke jalan raya dan bertanya kepada kanak-kanak yang ditemuinya sedang bermain guli.

"Ada siapa-siapa yang nampak Si Salim, anak-kanak?" tanya Mak Timah. Salah seorang daripada kanak-kanak itu menjawab. "Tadi kami nampak ia berjalan lambat-lambat di selekeh jalan sana. Barangkali ia pergi ke rumah Hamzah. Ia

tak mahu bermain lagi dengan kami."

Mak Timah berjalan cepat-cepat pergi ke rumah Hamzah. Sampai di sana dilihatnya anak itu sedang bermain guli di halaman rumahnya.

"Ada engkau nampak Si Salim, Zah?" tanya Mak Timah.

"Ya, saya nampak dia melintas menuju ke Kampung Keramat. Ia berjalan tegesa-gesa. Saya tegur, ia tak mahu menyahut," jawab Hamzah.

"Betulkah begitu?" tanya Mak Timah lagi.

"Betul, makcik. Sekarang ni dia tak berapa suka bermain dengan saya lagi. Barangkali dia dah dapat kawan baru di Kampung Keramat tu," kata Hamzah. (308)

diketahui	知道	menyelesaikana	完成
dimarahi	被骂	kecewa	失望
berdarah	流血	sejurus	一下子, 一刹那
lutut	膝盖	bergegas-gegas	慌慌张张匆匆忙忙
sepatah	一句(话)	guli	弹子
menundukkan	低(头)	selekoh	拐角处
halaman	庭院	barangkali	大概, 说不定
pagar	篱笆	melintas	穿过
mencangkung	蹲	tergesa-gesa	急急忙忙
menggores-gores	涂划	tegur	打招呼
sekerat (一)	段、片、块	menyahut	答复
laku	行为、举止		

## L A T I H A N

1. Salim dimarahi oleh ibunya kerana.....
  - a. main jauh-jauh.
  - b. nakal.
  - c. bermain entah di mana tempatnya
  - d. jatuh basikal sampai berdarah lututnya.
2. Salim duduk mencangkung dan menggores tanah di .....
  - a. dalam rumahnya.
  - b. Kampung Bahagia.
  - c. lapangan sekolah
  - d. tempat dekat dengan pintu pagar.
3. Apakah sebabnya Mak Timah berasa kecewa
  - a. Kerana anaknya tidak menjawab sepatah pun.
  - b. Karana anaknya menundukkan kepalanya.
  - c. Kerana didapatinya Si Salam sudah tidak ada di situ.
  - d. Kerana Salim menggores-gores tanah dengan sekerat kayu.
4. Sampai di halaman rumah Hamzah, Mak Timah mendapati..... sedang bermain guli di sana.
  - a. anaknya
  - b. Hamzah
  - c. kawan baru
  - d. Salam
5. Kata Hamzah, Salim berjalan menuju ke.....
  - a. jalan raya
  - b. Kampung keramat
  - c. selekoh jalan sana
  - d. Kampung Bahagia

6. Berikan lawan-lawannya

a. lambat-lambat --

b. tanya --

c. keluar --

7. Petikkan ayat-ayat berkenaan daripada bacaan di atas.

a. 为什么他被叫作“调皮的沙利姆”呢？

b. 你不能玩到远处去。

c. 他低下了头

d. 多么失望啊！

e. 他大概上哈姆扎家去了。

f. 他不再跟我们玩了。

g. 他现在不太喜欢跟我玩了。

h. 他走得很慢。

i. 他走得很快。

j. 他急冲冲地走着。



### B A H A G I A N (3)

"Kampung Keramat?" tanya si ibu itu kehairanan lalu berjalan cepat-cepat hendak pergi ke Kampung Keramat. Apabila sampai di jalan besar, dilihatnya banyak sekali kenderaan pelbagai jenis: motokar, bas, lori, motosikal, sekuter dan juga basikal. Semuanya bergerak bersimpang siur. Maka terbitlah rasa takut dalam hati Mak Timah hendak menyeberang jalan besar itu. Tidaklah jadi ia pergi ke Kampung Keramat mencari anaknya.

Ketika itu ia teringat di rumah tadi ia memanaskan seterika untuk menggosok pakaian yang dibasuhnya pagi tadi. Apatah lagi tergopoh-gopohlah ia berjalan pulang. Tentu seterika itu dah panas, fikirnya. Tetapi hatinya terus tertanya-tanya: "Siapakah kawan Si Salim yang baru di Kampung Keramat itu?"

Di sepanjang jalan pulang itu, Mak Timah terus bertanya-tanya kepada setiap orang yang ditemuinya kalau-kalau mereka nampak Si Salim. Tetapi tiada seorang pun dapat mengatakan dengan pasti di mana Si Salim berada sekarang.

Sesampainya di rumah, didapatinya seterika sudah panas benar. "Baik juga aku sepat pulang." kata Mak Timah dalam hatinya. Tidak lama kemudian Mak Timah pun mula menggosok. Mula-mula sekali digosoknya pakaian Si Salim. pakaian sekolah dan juga pakaian basahannya hari-hari. Biar

bagaimana marah sekali pun ia terhadap Si Salim, tetapi kasih sayangnya kepada anaknya itu tidaklah berkurang.

Sedang ia tekun menggosok itu, tiba-tiba dari luar masuklah seorang laki-laki. Suaranya becok, "Ah, emak Si Salim. Saya dahaga ni. Awak dah buatkan saya air?" kata laki-laki itu sambil datang mendekati Mak Timah yang sedang menggosok itu.

Laki-laki itu tidak lain daripada Pak Salam. Hari itu ia cepat sampai di rumah kerana ia menumpang motokar kawan sepejabatnya. Pak Salam memerhatikan Mak Timah menggosok itu. Kemudian ia masuk ke bilik tidur untuk bertukar pakaian. Setelah itu ia keluar lagi.

kehairanan	惊讶
kenderaan	车辆
pelbagai	各种
jenis	种类
motokar	汽车
lori	货车
sekuter	小摩托车
bersimpang siur	车辆 (来来往往)
terbit	出现, 产生
rasa	感觉
takut	害怕
menyeberang	穿过, 横穿
teringat	想起

memanaskan	加热
seterika	熨斗
dibasuh	被洗
apatah lagi	何况是，不由得
tergopoh-gopoh	仓促，慌慌张张
basahan	常穿的
tekun	勤奋
tiba-tiba	突然
becok	喧哗，吵闹
dahaga	口渴
menumpang	搭乘
memerhatikan	注视
bertukar	换

**Latihan:**

1. Apa sebabnya Mak Timah tergopoh-gopoh berjalan pulang?
  - a. Sebab dilihatnya banyak sekali kenderaau bergerak bersimpang siur di jalan besar.
  - b. Sebab ia teringat di rumah tadi ia memanaskan seterika.
  - c. Sebab anaknya sudah pulang.
  - d. Sebab dia rasa takut bila menyeberang jalan besar itu.
2. Apa didapati oleh Mak Timah sesampai di rumah?
  - a. Didapatinya bapa Salim berada di rumah

- b. Didapatinya pakaian sudah digosok.
  - c. Didapatinya seterika sudah panas benar.
  - d. Didapatinya kasih sayanganya kepada anaknya itu tidak berkurang.
3. Siapa tiba-tiba masuk dari luar, waktu Mak Timah menggosok pakaian?
- a. Kawan sepejabatnya.
  - b. Si Salim.
  - c. Ayah Salim.
  - d. Seorang laki-laki yang tidak dikenali.
4. Kenapa Pak Salam dapat cepat sampai di rumah pada hari itu?
5. Terjemahkannya ke dalam bahasa China
- a. Di sepanjang jalan pulang itu, Mak Timah terus bertanya-tanya kepada setiap orang yang ditemuinya kalau-kalau mereka nampak Si Salim.
  - b. Sesampainya di rumah, didapatinya seterika sudah panas benar.

c. Biar bagaimana marah sekali pun ia terhadap Si Salim,  
tetapi kasih sayangnya kepada anaknya itu tidaklah  
berkurang.

d. Awak dah buat kan saya air?

e. Laki-laki itu tidak lain daripada Pak Salam .

6. Berikan lawannya.

pergi --

cepat --

besar --

banyak --

panas --

ingat --

pulang --

panjang --

kurang --

tekun --

## B A H A G I A N (4)

Kemudian ia masuk ke bilik tidur untuk bertukar pakaian. Setelah itu ia keluar lagi.

"Awak dah buatka saya teh?" tanya Pak Salam lagi.

"Ah, duduklah kejam. Biar saya habiskan sikit lagi kerja ni," ujar Mak Timah sambil terus menggosok juga.

Pak Salam duduk di kerusi. Ia memerhatikan muka isterinya. Kemudian dengan suara halus ia bertanya, "Mengapa engkau nampaknya risau saja?"

"Saya bingung memikirkan hal anak kita Si Salim," kata Mak Timah sambil menggosok juga.

"Mengapa?" tanya Pak Salam.

"Berkali-kali saya pesan jangan main jauh-jauh. Tapi sekejap saja saya ke belakang, dia dah hilang, tak nampak muka hidungnya lagi," kata Mak Timah.

"Sudahlah. Jangan susah-susah. Dah memang begitu kelakuan anak kita". Pak Salam memujuk isterinya.

"Kalau dia tak balik?" tanya Mak Timah.

"Mesti balik. Budak laki-laki jangan dikongkong. Bebaskan dia. Biar dia belajar sendiri daripada keadaan kelilingnya." kata Pak Salam lagi. Ia berdiri dari kerusinya lalu melangkah menuju ke serambi, baring pada sebuah kerusi malas sambil membaca surat khabar.

Mak Timah terus menggosok juga. Sambil menggosok itu fikirannya melayang-layang. "Ke mana anakku? Benarkah ia pergi

ke Kampung Keramat? Siapa kawannya yang baru itu? Budak jahatkah dia atau budak baik? Mengapa dia tak beritahu ke mana dia pergi? Tak tahukah dia aku risau ni?" Demikianlah datang pergi pertanyaan dalam hati Mak Timah.

Sesekali diperhatikannya kelakuan Si Minggu mundar-mandir dari dapur. Nampaknya ia seperti kehilangan akal kerana kawan mainnya tidak ada di rumah.

ujar	说, 讲
halus	细
risau	烦恼
bingung	困惑
memujuk	劝说, 安慰
kongkong	束缚
keliling	周围
serambi	阳台
baring	躺着
melayang-layang	胡思乱想, 思想开小差
mundar-mandir	徘徊
dapur	厨房
kehilangan akal	六神无主

#### Latihan

1. Mengapa Mak Timah nampaknya risau saja?
  - a. Kerana belum muatkan Pak Salam teh.
  - b. Kerana banyak pakaian nak digosok.

- 20
- c. Kerana Salim nakal.  
d. Kerana dia bingung memikirkan hal anaknya.
2. Bagaimana Pak Salam memujuk isterinya?
- a. Kata Pak Salam, "Budak laki-laki mesti dikongkong."  
b. Kata Pak Salam, "Nanti aku memarahinya bila ia balik nanti."  
c. Kata Pak Salam, "Budak laki-laki jangan dikongkong. Biar dia belajar sendiri daripada keadaan kelilingnya."  
d. Kata Pak Salam, "Jangan bebaskannya."
3. Siapa mundar-mandir dari dapur?
- a. Ayah Salim.                      b. Si kucing.  
c. Mak Timah.                      d. Si Salim.
4. Mengapa sambil menggosok pakalan fikiran mak Timah melayang-layang?
5. Gantikan kata-kara berkenaan dengan kata-kata yang sesuai.
- a. Setelah itu ia keluar lagi. \_\_\_\_\_  
b. Biar saya habiskan sikit lagi kerja ni. \_\_\_\_\_  
c. Mengapa engkau nampaknya risau saja? \_\_\_\_\_  
d. Berkali-kali saya pesan jangan main jauh-jauh. \_\_\_\_\_  
e. "Sudahlah, jangan susah-susah." Pak Salam memujuk isterinya. \_\_\_\_\_



6. Terjemahkannya ke dalam bahasa China.

a. Saya bingung memikirkan hal anak kita Si Salim.

b. Siapa kawannya yang baru itu? Budak jahatkah dia atau budak baik? Mengapa dia tak beritahu ke mana dia pergi? Tak tahukah dia aku risau ni? Demikianlah datang pergi pertanyaan dalam hati Mak Timah.